

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS MALAM SETIA PAHLAWAN**  
**DI HOTEL MANDARIN ORIENTAL**  
**5 NOVEMBER 1999**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan berbanyak terima kasih kepada persatuan bekas tentera Malaysia (Wilayah Persekutuan) kerana sudi mengundang saya di majlis malam setia pahlawan ini.

2. Kita bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana nikmat-nikmatnya yang tidak terhingga banyaknya dicurahkan kepada negara kita ini. Ini adalah sebesar-besar nikmat yang harus kita syukuri dan dengan ini hendaklah kita pelihara dengan sebaik-baiknya.

3. Kita berkumpul di sini pada malam ini adalah untuk memperingati para anggota tentera kita yang pernah menerima pingat-pingat keberanian Seri Pahlawan Gagah Berani (SP) dan Panglima Gagah Berani (PGB) dan juga melancarkan dana bakti pahlawan yang akan dilancarkan oleh ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

4. Tujuan kita memperingati para anggota tentera bukanlah bertujuan untuk mendewa-dewakan mereka ini tetapi ini salah satu cara untuk mengingatkan kita akan pengorbanan anggota tentera yang telah berjuang untuk membebaskan negara kita dari penjajahan dan juga ancaman komunis. Obor suci perjuangan mereka dahulu seharusnya terus hidup menyala di dalam jiwa generasi sekarang dan menjadi azimat dalam perjuangan mereka pula untuk mencorakkan negara kita pada alaf akan datang. Saya percaya cabaran alaf akan datang akan lebih mencabar yang bukan lagi berupa cabaran persenjataan tetapi berupa cabaran ekonomi dan dunia tanpa sempadan yang memerlukan kebijaksanaan untuk mematahkan serangan-serangan cabaran tersebut.

5. Oleh sebab kita kini berada dalam keadaan aman damai, sudah biasa dengan kesenangan dan tidak ada lagi pergolakan yang menjadi ancaman kepada negara maka kita semakin dilenakan oleh perkembangan- perkembangan ini. Malah kita lupa kepada tempat tanah kita berpijak dan langit yang kita junjung. Kita lupa akan pengorbanan yang telah banyak dicurahkan oleh para anggota tentera kita yang terdahulu. Kita lupa akan anak dan keluarga mereka yang kehilangan ayah. Kita lupa untuk mengenangkan jasa-jasa mereka. Oleh sebab peristiwa-peristiwa itu sudah lama berlalu maka sudah ada pula tanda-tanda kita cuba mengeneipkan pengorbanan para pemimpin kita dalam membangunkan negara ini.

6. Kalau kita renungkan kembali akan kelahiran kemerdekaan negara ini nescaya kita akan tersua dengan nama barisan tentera kita yang begitu gigih, berani, tegas dan ikhlas dalam mempertahankan nasib negara, bangsa dan agama. Oleh itu marilah kita menjadi rakyat yang mengenang budi, rakyat yang berterima kasih dan rakyat yang sentiasa menghargai keamanan dan kesejahteraan.

7. Dana bakti pahlawan ini hanyalah sebahagian kecil daripada sumbangan kita untuk mengenang jasa- jasa anggota tentera kita. Oleh itu saya mengalu- alukan dana bakti pahlawan ini. Buktikanlah kita menghargai pengorbanan anggota tentera kita. Inilah yang menjadi harapan saya.

Terima kasih.